

# Pelajar UMT lawat memorial

SH 18/07/08 pg. T15

Lebih meninggalkan kenangan, mereka turut menjayakan aktiviti 'Sayangi Kampung Ku' melibatkan kerja gotong-royong bertempat di lokasi asal penemuan batu bersurat.

■ NOOR HAYATI MAMAT

**KAMPUNG BULUH** - Program Rakan Muda Wawasan Desa Institut Pengajian Tinggi melibatkan seramai 40 mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diadakan di sini turut memberi peluang kepada mereka berkunjung ke Memorial Batu Bersurat, semalam.

Lebih meninggalkan kenangan, mereka turut menjayakan aktiviti 'Sayangi Kampung

Ku' melibatkan kerja gotong-royong bertempat di lokasi asal penemuan Batu Bersurat.

Ketua Penyelaras Program, Abdul Aziz Abdul Hadi, 21, berkata, lawatan ke memorial itu merupakan salah satu pengisian aktiviti program yang diadakan bermula 16 Julai dan berakhir esok bagi memberi lebih pengetahuan kepada peserta.

"Lawatan ini merupakan kali pertama bagi semua peserta menjejakkan kaki ke Memorial Batu Bersurat. Jika sebelum ini, kami hanya mengetahuinya berdasarkan pembacaan semata-mata, hari ini (semalam) kami berpeluang melihatnya sendiri.

"Walaupun menyedari Batu Bersurat di memorial ini bukan asli, namun sebagai seorang pengunjung ia begitu unik

dan pastinya menjadi mercu tanda serta kebanggaan penduduk sebab ia menjadi satu sejarah," katanya ketika ditemui **Sinar Harian**, di Memorial Batu Bersurat, di sini, semalam.

Selain itu, beliau turut memberi cadangan supaya pihak berkenaan dapat membina tempat parkir kereta di kawasan berkenaan memandangkan kini pengunjung yang datang hanya meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan serta menggunakan kawasan padang sahaja.

Program melibatkan peserta berkampung di rumah peserta Enap Desa Kampung Buluh ini turut mendapat kerjasama Persatuan Sinaran Belia Kampung Buluh dan Homestay Kampung Buluh bertujuan bagi mengeratkan hubungan pelajar dengan masyarakat kampung.



Salah seorang ahli jawatankuasa Persatuan Sinaran Belia Kampung Buluh memberi taklimat mengenai Memorial Batu Bersurat kepada peserta di Kampung Buluh, semalam.